

23/09/1998

Petugas diberi cuti tujuh hari

KUALA LUMPUR, Selasa - Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Noor, hari ini mengumumkan cuti selama tujuh hari bagi pegawai dan anggota polis yang terbabit dalam penugasan sepanjang Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL'98), yang berakhir semalam.

"Cuti itu akan diberi secara berperingkat kepada anggota yang terbabit," katanya ketika menyampaikan amanat dan ucapan terima kasih kepada pegawai dan anggota polis di Pusat Latihan Polis, di sini.

Seramai 6,600 pegawai dan anggota pelbagai cawangan, unit dan bahagian Polis Diraja Malaysia terbabit dalam penugasan sepanjang temasya sukan itu.

Dalam amanatnya, Abdul Rahim turut menyampaikan ucapan terima kasih daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad, kepada semua anggota yang terbabit dalam penugasan itu.

Menurutnya, penghargaan itu disampaikan oleh Perdana Menteri kepada beliau dalam perjumpaan kira-kira 10 minit di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

"Perdana Menteri boleh memberi penghargaan dengan menelefon atau melalui ADC (jururing) beliau tetapi kali ini, beliau memanggil saya dan memaklumkan mengenai penghargaan itu.

"Bagi polis, kami mentafsirkan penghargaan itu sebagai penghargaan ikhlas yang lahir daripada sudut hatinya," katanya.

Rahim berkata, penghargaan ikhlas itu lahir kerana Dr Mahathir faham keadaan dan tugas polis untuk mengendalikan sukan kedua terbesar di dunia itu.

(END)